

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 OGOS 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 10

## Inflasi rendah tanda harga barang dan perkhidmatan lebih stabil

### Inflasi rendah tanda harga barang dan perkhidmatan lebih stabil

**SHAH ALAM** - Penurunan kadar inflasi kepada dua peratus pada Julai, sekaligus terendah tahun ini menunjukkan paras harga barang-barang dan perkhidmatan dalam negara lebih stabil.

Penganalisis ekonomi dari Universiti Kuala Lumpur, Profesor Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, ia memberikan petunjuk bahawa tidak akan berlaku kenaikan atau penurunan harga mendadak, malah kadar inflasi mungkin akan terus menurun sehingga akhir tahun ini.

Bagaimanapun, keadaan berkecuali jika berlaku sesuatu krisis geopolitik lagi atau peristiwa global besar yang memberi kesan kepada ekonomi dunia.

"Penurunan ini adalah satu faktor positif kepada perniagaan untuk lebih mudah membuat perancangan tentang harga jualan dan belian mereka, seterusnya memberikan kestabilan kepada rantaian nilai bekalan untuk semua

jenis barangan dan perkhidmatan.

"Ini berita baik kepada pengguna terutama rakyat Malaysia yang selama ini terkejut dengan kenaikan harga barangan yang berterusan.

"Bagaimanapun, kadar inflasi juga masih boleh dipengaruhi oleh kelemahan mata wang negara berikutan banyak barang makanan yang diimport. Secara tidak langsung kita turut mengimport inflasi masuk ke dalam ekonomi domestik dengan jumlah barangan makanan yang diimport adalah hampir RM60 bilion setahun," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Jumaat.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin pada Jumaat berkata, inflasi negara dilaporkan telah mereda kepada 2.0 peratus pada Julai 2023,



AIMI ZULHAZMI

terendah pada tahun ini dengan mata indeks mencatatkan 130.5 berbanding 127.9 pada bulan yang sama tahun sebelumnya.

Jelasnya, peningkatan perlahan kadar inflasi itu didorong oleh peningkatan lebih rendah bagi kumpulan restoran dan hotel iaitu lima peratus (Jun 2023: 5.4 peratus) serta makanan dan minuman bukan alkohol sebanyak 4.4 peratus (Jun 2023: 4.7 peratus).

Ia diikuti oleh kumpulan Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan (2.6 peratus), manakala kedua-dua kumpulan Kesihatan dan Pendidikan masing-masing meningkat sebanyak 2.0 peratus.

Tambah Aimi Zulhazmi, penurunan kadar inflasi negara juga adalah selari dengan penurunan kadar inflasi negara-negara di rantau Asia yang menunjukkan

rantaian nilai bekalan global juga telah stabil.

"Bagi perbandingan dengan negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia (2 peratus) adalah lebih rendah berbanding Zon Eropah (5.3 peratus), Filipina (4.7 peratus), Singapura (4.1 peratus), Amerika Syarikat (3.2 peratus), Indonesia (3.1 peratus), Republik Korea (2.3 peratus) dan Vietnam (2.1 peratus).

"Bagaimanapun, ia lebih tinggi berbanding Thailand (0.4 peratus) dan China (-0.3 peratus).

"Penurunan kadar inflasi juga memberikan petanda ekonomi global dalam fasa perlahan berikutan kurangnya permintaan dengan WTO (Pertubuhan Perdagangan Dunia) mengunjurkan perdagangan dunia hanya mengembang pada 1.7 peratus sahaja tahun ini berbanding 2.7 peratus yang dicatatkan pada tahun 2022," jelasnya.